

KEBERKESANAN PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL): PENILAIAN REAKSI

Dr. KAMARUZAMAN BIN MOIDUNNY
AKMA BT. HJ. ABD. HAMID
Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands

Prof. Madya Dr. NORASMAH BT. OTHMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

BAHAGIAN II
Kertas Penyelidikan

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan sejauh manakah reaksi peserta terhadap Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Program Latihan NPQEL (National Professional Qualification for Educational Leaders). Program latihan ini dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Institut Aminuddin Baki yang memakan masa selama setahun. Kajian ini memfokuskan reaksi bekas peserta NPQEL terhadap enam aspek iaitu kemudahan fizikal, bahan pelajaran, penyampaian pensyarah, Program Praktikum, Program Sandaran dan kandungan kursus. Kemudahan fizikal terdiri daripada lima komponen iaitu bilik kuliah, Pusat Sumber, bilik penginapan, makmal komputer dan dewan makan. Bahan pelajaran pula terdiri daripada dua komponen iaitu bahan pengajaran dan bahan pembelajaran. Sementara kandungan kursus dibahagikan kepada lima komponen iaitu kandungan umum, Fasa Asas, Pertengahan, Khas dan Berterusan. Analisis kajian dilaksanakan terhadap 74 orang bekas peserta NPQEL bagi ambilan pertama yang telah menamatkan pengajian pada bulan Jun 2009. Dapatan kajian menunjukkan reaksi peserta adalah pada tahap sangat tinggi bagi dua aspek iaitu Program Sandaran dan kandungan kursus. Sementara aspek kemudahan fizikal, bahan pelajaran, penyampaian pensyarah, dan Program Praktikum pula berada pada tahap tinggi.

PENDAHULUAN

Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan adalah satu program yang unik dan sangat penting di peringkat nasional untuk melatih bakal pengurus dan pemimpin sekolah. Dalam kalangan warga Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia), program ini dikenali sebagai Program Latihan NPQEL yang mengambil singkatan daripada perkataan *National Professional Qualification for Educational Leaders*. Program Latihan NPQEL ini dimulakan pada tahun 1999 disebabkan oleh tiga faktor utama

iaitu:

1. Perkembangan bidang pendidikan yang pesat di Malaysia dan seluruh dunia menyebabkan bakal pengurus dan pemimpin sekolah memerlukan pengetahuan dan kemahiran baru. Kemahiran konsepsi dan kemahiran kraf perlu dikuasai oleh mereka untuk digunakan di sekolah (Guskey, 2002).
2. Selari dengan kehendak Laporan Jawatan Kuasa Kabinet pada tahun 1979 berhubung dengan latihan kepada pengurus dan pemimpin sekolah. Laporan ini mengesyorkan penubuhan sebuah institusi pelajaran tempatan yang akan menawarkan latihan kepada Pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979).
3. Pengaruh idea dan amalan berkaitan latihan profesional untuk pengurus dan pemimpin sekolah yang diperoleh oleh pegawai tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia semasa mereka berkursus di luar negara. Pengaruh program latihan di Amerika Syarikat (*Council of Chief State School Officer, CCSSO 1996*) dan di Britain (*Teacher Training Agency, TTA 1998*) telah menjadi asas rujukan penghasilan modul latihan NPQEL di Malaysia (Abdul Aziz Md. Nor, 2003).

PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)

Program Latihan *NPQEL* ini dimulakan pada tahun 1999 oleh KPM melalui pusat latihan Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Institut Aminuddin Baki (IAB). IAB melaksanakan program latihan ini di dua lokasi yang berasingan iaitu di Genting Highlands, Pahang Darul Makmur dan di Jitra, Kedah Darul Aman. Pada awal pelaksanaan, program ini dikenali sebagai NPQH yang mengambil sempena nama *National Professional Qualification for Headship*. Mulai ambilan tahun 2008, nama NPQH telah ditukar kepada NPQEL untuk membezakan tentang nilai tambah yang diperoleh peserta yang mengikuti program latihan ini. Peserta bagi ambilan 2008 dan seterusnya telah mendapat nilai tambah berkaitan pengiktirafan program ini yang menyamai taraf Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Peserta yang selesai menjalani program latihan NPQEL dengan cemerlang akan diberikan nilai yang sama seperti nilai taraf peperiksaan PTK dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Langkah ini diperkenalkan oleh IAB dalam usaha menaikkan nilai program ini kerana apa yang dipelajari oleh peserta adalah merangkumi keseluruhan kandungan yang diuji dalam peperiksaan PTK.

Bermula pada tahun 1999 hingga 2009, sebanyak 13 kumpulan peserta telah diambil untuk mengikuti Program Latihan NPQEL ini, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sejumlah 1940 orang peserta telah mengikuti program latihan ini. Daripada jumlah ini, 917 adalah guru Bukan Siswazah dan 1023 orang guru Siswazah. Peserta ini adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan iaitu pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya

Perkhidmatan Pendidikan Malaysia. Secara umumnya peserta adalah pegawai yang sedang berkhidmat di sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Institut Pendidikan Guru (IPG), Politeknik, Kolej Komuniti dan juga daripada Bahagian-bahagian dalam Kementerian Pelajaran Malaysia.

Iklan permohonan untuk mengikuti Program Latihan NPQEL ini dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia di akhbar-akhbar tempatan di Malaysia setiap tahun. Calon-calon yang layak akan mengisi borang permohonan dan menghantarkannya ke Bahagian Sekolah melalui Ketua Jabatan masing-masing. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang memohon mestilah terdiri daripada mereka yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak mengikuti kursus jangka panjang sama ada yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau mana-mana agensi lain atau atas pembiayaan sendiri, mencapai laporan Penilaian Prestasi Tahunan gred A (purata 85 markah ke atas) bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, bebas daripada tindakan tatatertib dan tindakan mahkamah serta perlu sihat fizikal dan mental (IAB 2005c). Calon-calon yang mempunyai pengalaman perkhidmatan melebihi sepuluh tahun dan sedang memegang jawatan pengurusan iaitu seperti guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong kanan hal-ehwal murid, guru penolong kanan kokurikulum dan penyelia petang adalah digalakkan untuk memohon Program Latihan NPQEL ini.

Jadual 1: *Bilangan peserta Program Latihan NPQEL mengikut kumpulanambilan dan jantina*

Ambilan	Tahun	Bilangan Peserta				
		Bukan Siswazah		Siswazah		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
NPQH1	1999	49	10	176	24	259
NPQH2	2000	167	78	-	-	245
NPQH3	2000			101	29	130
NPQH4	2001	44	22	48	11	125
NPQH5	2002			29	7	36
NPQH6	2002	25	20	41	16	102
NPQH7	2003			28	22	50
NPQH8	2004	71	47	49	30	197
NPQH9	2005	87	74	24	17	202
NPQH10	2006	39	37	52	44	172
NPQH11	2007	32	35	43	36	146
NPQEL1	2008	32	26	44	39	141
NPQEL2	2009	8	14	63	50	135
Jumlah Kecil		554	363	698	325	
Jumlah Besar			917	1023		1940

Sumber: *Urus Setia NPQEL IAB (2009)*

Program Latihan *NPQEL* ini mempunyai lima objektif (IAB, 2004) iaitu (1) Menyedari kekuatan dan kelemahan sendiri dalam aspek pengurusan dan kepimpinan pendidikan untuk dimanfaatkan sepenuhnya di sekolah sendiri, (2) Mempamerkan pengurusan dan kepimpinan berkesan di sekolah berpandukan pengalaman yang diperoleh, (3) Melaksanakan projek yang diberikan melalui program yang diberi dengan berpandukan pengalaman yang diperoleh, (4) Mengamalkan konsep, ciri-ciri sekolah berkesan dan sifat kepimpinan yang teruji dalam tujuh bidang yang ditetapkan termasuklah pembinaan wawasan, pengurusan organisasi berkesan, kompetensi interpersonal dan intrapersonal, pengurusan kepimpinan kurikulum dan kokurikulum di samping memantap dan mempertingkatkan jangkaan minat masing-masing dan (5) Memperoleh pengalaman praktikal dalam mengenal pasti (melalui pemerhatian) aspek-aspek amalan pengurusan yang boleh ditambah baik, merancang strategi baru (inovasi) dan seterusnya melaksanakan strategi yang dirancang serta menilai keberkesanannya.

Bahagian I Program Latihan *NPQEL* merupakan program Diploma Pengurusan & Kepimpinan Sekolah. Bahagian pertama ini melibatkan komponen kuliah berterusan selama enam bulan termasuk tiga minggu komponen praktikum (IAB, 2009a). Semua kuliah dilaksanakan di IAB, Kampus Induk, Genting Highlands dan IAB, Cawangan Utara, Jitra, Kedah. Manakala, komponen praktikum akan berlangsung di sekolah yang dipilih di seluruh negara.

Kandungan program diploma ini dibahagikan kepada empat kursus (IAB, 2005a) yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta pelbagai aspek pengurusan dan kepimpinan sekolah. Kursus-kursus tersebut ialah (1) Kursus Pengurusan & Kepimpinan Sekolah (Fasa Asas) selama 6 minggu, (2) Kursus Pengurusan & Kepimpinan Sekolah (Fasa Pertengahan) selama 4 minggu, (3) Kursus Pengurusan & Kepimpinan Sekolah (Fasa Khas) selama 4 minggu dan (4) Kursus Pengurusan & Kepimpinan Sekolah (Fasa Berterusan) selama 4 minggu.

Di samping mempelajari ilmu pengurusan dan kepimpinan secara teori, peserta akan membuat pemerhatian selama tiga minggu di sekolah yang terpilih, yang dikenali sebagai Program Praktikum. Program Praktikum bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari amalan pengurusan dan kepimpinan secara lebih dekat di sekolah (IAB 2008). Program Praktikum ini juga memberi peluang kepada peserta untuk membuat perhubungan terus dengan pemimpin sekolah untuk mendapatkan maklumat dan pengalaman menjayakan sekolah secara sistematik dan terancang. Dalam tempoh tiga minggu ini, peserta diminta menyediakan laporan berbentuk akademik mengenai bidang yang dikenal pasti untuk tujuan kajian di sekolah yang berkenaan. Laporan berbentuk akademik ini mengandungi huraian ringkas mengenai sekolah yang dipilih, huraian mengenai satu projek utama sekolah yang dikaji dan penulisan tentang refleksi mengenai perkara yang telah dipelajari dan dapat dijadikan teladan sebagai pemimpin sekolah pada masa hadapan (IAB, 2004).

Dalam tempoh enam bulan pertama ini, peserta akan dinilai pencapaian mereka melalui kerja kursus dan ujian bertulis. Pemberatan kerja kursus adalah sebanyak 20 peratus dan pemberatan bagi ujian bertulis adalah sebanyak 80 peratus. Penilaian kerja kursus adalah berdasarkan tugas, latihan, kuiz, kajian kes, penglibatan dalam kelas, persembahan individu dan berkumpulan serta laporan Program Praktikum. Ujian akhir kursus merupakan ujian komprehensif yang mengandungi sama ada 50 atau 75 soalan objektif aneka pilihan atau aneka pelengkap. Soalan-soalan ini perlu dijawab dalam masa 2 jam atau 1 jam 15 minit bagi setiap fasa kursus. Peserta yang berjaya akan dianugerahkan Diploma Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan.

Bahagian II pula merupakan Program Sandaran selama enam bulan di tempat kerja peserta masing-masing. Dalam tempoh ini peserta akan diberi tugas dalam bentuk portfolio pencapaian dan akan diselia. Peserta perlu menghasilkan tiga portfolio pencapaian dan satu portfolio pembangunan diri sebelum tamat tempoh sandaran (IAB 2009b). Peserta dikehendaki membuat pemerhatian terhadap amalan pengurusan yang berlangsung dan mengenal pasti aspek yang boleh ditambah baik di sekolah. Peserta seterusnya dikehendaki merancang strategi baru (inovasi) dan melaksanakannya serta mengesan atau menilai keberkesanan strategi atau inovasi tersebut. Seterusnya, pembangunan sendiri boleh dilakukan oleh peserta melalui aktiviti-aktiviti pengayaan berdasarkan bidang-bidang yang ditetapkan.

Program Sandaran mempunyai 10 objektif yang spesifik iaitu peserta diharapkan agar dapat (1) Memperkembang, melaksana dan menilai falsafah, matlamat dan objektif sekolah dalam konteks dan ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara, (2) Memperoleh pengetahuan dan kemahiran gunaan serta praktikal mengenai pengurusan pendidikan, (3) Menguasai kemahiran pengurusan dan pembangunan pejabat, hal ehwal kewangan, bangunan, fizikal dan kawasan sekolah mengikut prosedur dan arahan kerajaan, (4) Memilih dan mengguna teknik hubungan manusia dan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, (5) Membina hubungan dan jaringan yang berkesan dengan komuniti yang dapat menjadi satu sumber untuk pembelajaran dan penambahbaikan, (6) Memahami perkembangan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum serta memainkan peranan sebagai pemimpin kurikulum, (7) Menterjemah kurikulum formal kepada amalan perancangan, penyeliaan dan penilaian pengajaran yang berkesan, (8) Memudahkan perkembangan profesional staf, (9) Merancang dan melibatkan diri dalam satu program pembangunan profesional peribadi yang berterusan serta (10) Menyediakan tiga portfolio untuk kompetensi ke arah satu tahap piawaian yang ditetapkan.

Bagi Program Sandaran, peserta akan dinilai berdasarkan projek-projek yang dilaksanakan di sekolah. Seorang pensyarah pembimbing akan datang membuat pemantauan sebanyak tiga kali dalam tempoh enam bulan untuk membimbing dan melakukan penilaian. Di samping itu juga, Pengetua dan Guru Besar sekolah akan turut membimbing dan memberikan maklum balas tentang perkembangan peserta kepada

pensyarah pembimbing berkenaan dari semasa ke semasa dalam tempoh enam bulan berkenaan. Peserta yang berjaya dalam Program Sandaran ini akan dianugerahkan Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Sijil *NPQEL*.

Selepas menamatkan Program Latihan *NPQEL*, kumpulan bukan siswazah akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan di peringkat ijazah sarjana muda selama dua tahun. Pihak UPSI akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan kepada peserta yang menamatkan pengajian mereka. Kumpulan ijazah sarjana muda pula akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) selama setahun untuk mendapatkan ijazah sarjana. Pihak UM pula akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Kepengetuaan kepada peserta yang menamatkan pengajian mereka. Sementara bagi kumpulan peserta yang telah mempunyai ijazah sarjana sebelum mengikut Program Latihan *NPQEL*, mereka akan ditempatkan semula di sekolah sebagai seorang guru biasa.

KEPERLUAN PENILAIAN KEBERKESANAN TERHADAP PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)

Setiap program latihan yang telah dilaksanakan memerlukan penilaian untuk menentukan kelebihan dan kelemahannya. Pihak penganjur program seringkali ingin mengetahui tahap kejayaan yang telah dicapai oleh setiap program yang telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kelemahan di dalam program yang dilaksanakan dapat dikenal pasti agar proses membuat keputusan semakin jitu dan tepat. Kekuatan dan kelemahan program dapat ditentukan secara terperinci lalu keputusan sama ada program patut diteruskan, diubah suai atau dihentikan dapat dibuat dengan pasti.

Pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari selama setahun, tidak dapat diaplikasikan secara langsung selepas tamatnya Program Latihan *NPQEL*. Tegasnya, peluang untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari sukar diwujudkan atas sebab dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu lantikan ke jawatan pengetua atau guru besar adalah berasaskan kekananan. Sehubungan dengan itu juga, mereka tidak semestinya dilantik menjawat jawatan pengurusan sekolah yang lain sebaik sahaja menamatkan program latihan seperti Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran dan Kurikulum, Guru Penolong Kanan Hal-ehwal Murid (GPKHEM), Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPKKoku), Penyelia Petang, Ketua Bidang atau Ketua Panitia Mata Pelajaran. Oleh itu, mereka tidak dapat mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari dengan segera sebaik sahaja tamatnya Program Latihan *NPQEL*. Justeru itu, Program Latihan *NPQEL* tersebut perlu dinilai sejauh mana keberkesanannya terhadap peserta yang telah mengikuti latihan tersebut.

Kirkpatrick (1994) menegaskan dalam tulisan beliau:

"Alasan untuk menilai adalah untuk menentukan keberkesanan sesuatu program latihan. Apabila penilaian dibuat, kita mengharapkan hasilnya adalah positif dan memuaskan kepada orang yang bertanggungjawab terhadap program tersebut dan pengurus peringkat atasan yang akan membuat keputusan berdasarkan penilaian program tersebut. Oleh itu, banyak pemikiran dan perancangan perlu diberikan terhadap program tersebut untuk memastikannya agar benar-benar berkesan."

(Kirkpatrick 1994:3)

TUJUAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) daripada aspek reaksi peserta bagi ambilan pertama iaitu ambilan tahun 2008. Mereka telah menamatkan pengajian pada bulan Jun tahun 2009. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana reaksi peserta terhadap enam aspek iaitu (1) Kemudahan fizikal, (2) Bahan pelajaran, (3) Penyampaian pensyarah, (4) Program Praktikum, (5) Program Sandaran, dan (6) Kandungan kursus.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan soal selidik yang mengandungi 133 item. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), penggunaan soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan pengkaji kerana mudah ditadbir dengan baik. Di samping itu, data juga senang diproses dan dianalisis. Oppenheim (1996) pula mengatakan bahawa soal selidik sering digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan persepsi dan pandangan, sikap dan keterangan latar belakang responden. Item-item dalam soal selidik ini merupakan item respon tertutup dengan Skala Likert lima pemeringkatan. Soal selidik ditadbirkan kepada 141 orang responden (populasi) pada bulan Jun hingga Ogos 2008. Sebanyak 74 borang soal selidik yang telah dipulangkan kembali telah dianalisis. Frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai telah digunakan untuk menganalisis setiap aspek yang dikaji. Interpretasi skor min seperti Jadual 2 telah digunakan untuk menentukan tahap reaksi peserta.

Jadual 2: Skor Min dan Interpretasinya (Tahap)

Skor Min	Interpretasi (tahap)
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: BPPDP (2006:29)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dipaparkan melalui Jadual 3 hingga Jadual 9 yang disertakan di bahagian berikut ini.

Kemudahan Fizikal

Bagi konstruk kemudahan fizikal, reaksi peserta adalah berdasarkan kebersihan, keselesaan dan kemudahan yang terdapat di bilik kuliah, Pusat Sumber, bilik penginapan, makmal komputer dan dewan makan. Jadual 3 menunjukkan skor min bagi setiap item yang dikemukakan dalam konstruk kemudahan fizikal.

Berdasarkan Jadual 3, peserta memberikan reaksi tahap sangat tinggi bagi kebersihan, keselesaan dan kemudahan di bilik kuliah serta Pusat Sumber. Reaksi sangat tinggi juga diberi kepada kebersihan makmal komputer. Ini menunjukkan peserta berpendapat kebersihan, keselesaan dan kemudahan di bilik kuliah dan kebersihan makmal komputer (min antara 4.41 hingga 4.76) adalah pada tahap memuaskan. Manakala kebersihan, keselesaan dan kemudahan di bilik penginapan dan dewan makan adalah pada tahap tinggi. Manakala bagi dewan makan pula, reaksi peserta adalah pada tahap sederhana (min antara 3.32 hingga 3.45). Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap tinggi terhadap konstruk kemudahan fizikal (min = 4.16, SP = 0.45). Nilai sisihan piawai (SP) yang kecil iaitu 0.45 menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk kebersihan, keselesaan dan kemudahan di bilik kuliah, Pusat Sumber, bilik penginapan, makmal komputer dan dewan makan adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk kebersihan, keselesaan dan kemudahan tersebut.

Jadual 3: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Setiap Item Konstruk Kemudahan Fizikal

Konstruk Kemudahan Fizikal	Skor Min	Skor Min Purata	Sisihan Piawai	Tahap
Kebersihan bilik kuliah	4.51		0.53	Sangat Tinggi
Keselesaian bilik kuliah	4.45		0.64	Sangat Tinggi
Kemudahan di bilik kuliah	4.47	4.48	0.60	Sangat Tinggi
Kebersihan Pusat Sumber	4.76		0.43	Sangat Tinggi
Keselesaian Pusat Sumber	4.72		0.48	Sangat Tinggi
Kemudahan di Pusat Sumber	4.62	4.70	0.54	Sangat Tinggi
Kebersihan bilik penginapan	4.00		0.76	Tinggi
Keselesaian bilik penginapan	4.20		0.76	Tinggi
Kemudahan di bilik penginapan	4.14	4.11	0.67	Tinggi
Kebersihan makmal komputer	4.41		0.60	Sangat Tinggi
Keselesaian makmal komputer	4.04		0.72	Tinggi
Kemudahan di makmal komputer	4.14	4.20	0.70	Tinggi
Kebersihan dewan makan	3.16		0.94	Sederhana
Keselesaian dewan makan	3.45		0.88	Tinggi
Kemudahan di dewan makan	3.36	3.32	0.92	Sederhana
Reaksi peserta terhadap konstruk kemudahan fizikal	4.16		0.45	Tinggi

Bahan Pelajaran

Bagi konstruk bahan pelajaran, terdapat lima item yang berkaitan dengan bahan pengajaran dan tujuh item lagi berkaitan dengan bahan pembelajaran. Skor min bagi kedua-dua aspek dalam konstruk bahan pelajaran ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Konstruk Bahan Pelajaran

Konstruk Bahan Pelajaran	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Bahan pengajaran	4.13	0.46	Tinggi
Bahan pembelajaran	4.14	0.47	Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk bahan pelajaran	4.14	0.45	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa reaksi peserta adalah pada tahap tinggi bagi konstruk bahan pengajaran dan bahan pembelajaran. Ini menunjukkan peserta berpendapat bahan pengajaran (min = 4.13, SP = 0.46) dan bahan pembelajaran (min = 4.14, SP = 0.47) adalah memuaskan. Peserta memberikan skor min yang lebih kurang sama, menunjukkan mereka mempunyai pendapat yang tidak jauh berbeza terhadap kedua-dua aspek tersebut. Bahan pengajaran merupakan bahan yang digunakan oleh pensyarah meliputi LCD, carta, graf, peta, spesimen, model, gambar, slaid, kaset, video, televisyen dan projektor. Manakala bahan pembelajaran pula merupakan bahan yang dikemukakan kepada peserta yang merangkumi buku teks, bahan bercetak, kajian kes dan latihan. Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap memuaskan terhadap konstruk bahan pengajaran dan bahan pembelajaran (min = 4.14, SP = 0.45). Nilai sisihan piawai yang kecil iaitu sebanyak 0.45 menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk bahan pengajaran dan bahan pembelajaran adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk bahan pengajaran dan bahan pembelajaran tersebut.

Seterusnya, bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci, skor min setiap item bagi konstruk bahan pelajaran ditunjukkan dalam Jadual 5. Reaksi peserta adalah pada tahap tinggi bagi konstruk bahan pengajaran yang meliputi ciri-cirinya yang menarik, mencukupi, bersesuaian dengan tajuk yang diajar, membantu memahami tajuk yang diajar dan membantu mencapai objektif pengajaran. Mereka menyatakan bahawa aspek-aspek tersebut adalah memuaskan bagi konstruk bahan pengajaran.

Ini menunjukkan peserta berpendapat bahawa bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah yang meliputi ciri-cirinya yang menarik (min = 4.08, SP = 0.46), mencukupi (min = 4.09, SP = 0.53), bersesuaian dengan tajuk yang diajar (min = 4.14, SP = 0.53), membantu memahami tajuk yang diajar (min = 4.20, SP = 0.52) dan membantu mencapai objektif pengajaran (min = 4.12, SP = 0.60) adalah pada tahap memuaskan. Begitu juga bagi bahan pembelajaran, reaksi adalah pada tahap memuaskan bagi ciri-ciri yang menarik (min = 4.04, SP = 0.61), mencukupi (min = 3.96, SP = 0.67), bersesuaian dengan tajuk yang diajar (min = 4.24, SP = 0.54), membantu memahami tajuk yang diajar (min = 4.22, SP = 0.56), membantu mencapai objektif pengajaran (min = 4.16, SP = 0.57), bahan pembelajaran berkaitan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua (min = 4.24, SP = 0.54) dan bersesuaian dengan pengalaman peserta (min = 4.14, SP = 0.53).

Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap memuaskan terhadap konstruk bahan pelajaran (min = 4.14, SP = 0.45). Nilai sisihan piawai yang kecil iaitu sebanyak 0.45 menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk bahan pelajaran adalah kecil.

Jadual 5: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Setiap Item Bahan Pelajaran

Konstruk Bahan Pelajaran	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah adalah menarik	4.08	0.46	Tinggi
Bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah adalah mencukupi	4.09	0.53	Tinggi
Bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah bersesuaian dengan tajuk yang diajar	4.14	0.53	Tinggi
Bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah membantu memahami tajuk yang diajar	4.20	0.52	Tinggi
Bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah membantu mencapai objektif pengajaran	4.12	0.60	Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta adalah menarik	4.04	0.61	Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta adalah mencukupi	3.96	0.67	Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta adalah bersesuaian dengan tajuk yang diajar	4.24	0.54	Sangat Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta membantu memahami tajuk yang diajar	4.22	0.56	Sangat Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta membantu mencapai objektif pengajaran	4.16	0.57	Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta adalah berkaitan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua	4.24	0.54	Sangat Tinggi
Bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada peserta adalah bersesuaian dengan pengalaman peserta	4.14	0.53	Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk bahan pelajaran	4.14	0.45	Tinggi

Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil di kalangan peserta terhadap konstruk bahan pelajaran tersebut.

Penyampaian Pensyarah

Bagi konstruk penyampaian pensyarah pula, skor min bagi lapan item yang dikemukakan kepada peserta adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: *Skor Min, Sisihi Piawai dan Tahap bagi Setiap Item Konstruk Penyampaian Pensyarah*

Konstruk Penyampaian Pensyarah	Skor Min	Sisihi Piawai	Tahap
Pensyarah menerangkan sesuatu konsep dengan jelas	4.07	0.69	Tinggi
Pensyarah menyediakan nota pengajaran yang bermutu	4.00	0.63	Tinggi
Pensyarah menggunakan aras bahasa yang mudah difahami	4.23	0.46	Sangat Tinggi
Pensyarah menggunakan bahan pengajaran dengan baik	4.14	0.56	Tinggi
Pensyarah memberikan jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta	3.95	0.66	Tinggi
Pensyarah mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang pengurusan sekolah	3.89	0.75	Tinggi
Pensyarah mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang kepimpinan sekolah	4.00	0.72	Tinggi
Pensyarah mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk melatih bakal-bakal pengurus sekolah	3.96	0.68	Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk penyampaian pensyarah	4.00	0.54	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan bahawa reaksi peserta adalah pada tahap tinggi bagi kesemua konstruk penyampaian pensyarah, penerangan konsep dengan jelas (min = 4.07, SP = 0.69), penyediaan nota pengajaran yang bermutu (min = 4.00, SP = 0.63), bahasa yang mudah difahami (min = 4.23, SP = 0.46), penggunaan bahan pengajaran dengan baik (min = 4.14, SP = 0.56), memberikan jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta (min = 3.95, SP = 0.66), mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang pengurusan (min = 3.89, SP = 0.75), mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang kepimpinan sekolah (min = 4.00, SP = 0.72), serta mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk melatih bakal pengurus sekolah (min = 3.96, SP = 0.68). Ini menunjukkan peserta berpendapat bahawa lapan aspek di atas adalah pada tahap yang memuaskan. Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap memuaskan terhadap konstruk penyampaian pensyarah (min = 4.00, SP = 0.54). Nilai sisihi piawai yang kecil iaitu sebanyak 0.54 menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk penyampaian pensyarah adalah kecil. Variasi yang kecil

menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk penyampaian pensyarah tersebut.

Program Praktikum

Hasil analisis reaksi peserta terhadap Program Praktikum yang mengandungi tujuh item ditunjukkan seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7 menunjukkan bahawa reaksi peserta adalah pada tahap tinggi bagi tujuh konstruk yang dinilai dalam program praktikum. Tujuh aspek yang terdapat dalam Program Praktikum iaitu kesesuaian tempoh masa selama tiga minggu (min = 4.07, SP = 0.85), bimbingan daripada pensyarah mencukupi (min = 3.82, SP = 0.87), pencapaian objektif (min = 4.05, SP = 0.72), kerjasama oleh guru besar dan pengetua (min = 4.26, SP = 0.70), bimbingan oleh guru besar dan pengetua (min = 4.04, SP = 0.82), kerelevanan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua (min = 4.19, SP = 0.68) serta peningkatan keyakinan peserta untuk menjalankan tugas sebagai seorang guru besar atau pengetua (min = 4.23, SP = 0.71). Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap memuaskan terhadap konstruk Program Praktikum (min = 4.10, SP = 0.59). Nilai sisihan piawai yang kecil (0.59) menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk Program Praktikum adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk Program Praktikum tersebut.

Jadual 7: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Setiap Item Konstruk Program Praktikum

Konstruk Program Praktikum	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tempoh masa selama tiga minggu adalah sesuai	4.07	0.85	Tinggi
Bimbingan yang diberikan oleh pensyarah adalah mencukupi	3.82	0.87	Tinggi
Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai	4.05	0.72	Tinggi
Kerjasama yang diberikan oleh guru besar atau pengetua mencukupi	4.26	0.70	Sangat Tinggi
Bimbingan yang diberikan oleh guru besar atau pengetua mencukupi	4.04	0.82	Tinggi
Relevan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua	4.19	0.68	Tinggi
Keyakinan anda untuk menjalankan tugas sebagai guru besar atau pengetua meningkat	4.23	0.71	Sangat Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk Program Praktikum	4.10	0.59	Tinggi

Program Sandaran

Bagi aspek reaksi peserta terhadap Program Sandaran, skor min bagi sembilan item ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8 menunjukkan bahawa bagi Program Sandaran, tahap reaksi peserta adalah sangat tinggi bagi aspek (1) Kesesuaian tempoh masa selama enam bulan (min = 4.39, SP = 0.72), (2) Pencapaian objektif yang ditetapkan (min = 4.24, SP = 0.68), (3) Kerjasama yang diberikan oleh guru besar dan pengetua (min = 4.30, SP = 0.84), (4) Relevan dengan tugas sebagai guru besar dan pengetua (min = 4.36, SP = 0.63), (5) Peningkatan keyakinan untuk menjalankan tugas sebagai guru besar atau pengetua (min = 4.36, SP = 0.61) dan (6) Peningkatan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori kepada bentuk amali (min = 4.39, SP = 0.49). Ini bermaksud, peserta berpendapat bahawa enam aspek di atas adalah pada tahap yang sangat memuaskan.

Jadual 8: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Setiap Item Konstruk Program Sandaran

Konstruk Program Sandaran	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tempoh masa selama enam bulan adalah sesuai	4.39	0.72	Sangat Tinggi
Bimbingan yang diberikan oleh pensyarah adalah mencukupi	3.97	0.86	Tinggi
Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai	4.24	0.68	Sangat Tinggi
Bilangan projek yang dilaksanakan adalah sesuai	4.12	0.92	Tinggi
Kerjasama yang diberikan oleh guru besar atau pengetua mencukupi	4.30	0.84	Sangat Tinggi
Bimbingan yang diberikan oleh guru besar atau pengetua mencukupi	4.15	0.94	Tinggi
Relevan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua	4.36	0.63	Sangat Tinggi
Keyakinan anda untuk menjalankan tugas sebagai guru besar atau pengetua meningkat	4.36	0.61	Sangat Tinggi
Meningkatkan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori kepada bentuk amali	4.39	0.49	Sangat Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk Program Sandaran	4.26	0.57	Sangat Tinggi

Sementara bagi tiga aspek lain, reaksi adalah pada tahap tinggi iaitu peserta berpendapat bahawa tiga aspek ini adalah pada tahap yang memuaskan. Aspek ini adalah (1) Kecukupan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah (min = 3.97, SP = 0.86), (2)

Kesesuaian bilangan projek yang dilaksanakan (min = 4.12, SP = 0.92) dan (3) Bimbingan yang diberikan oleh guru besar atau pengetua mencukupi (min = 4.15, SP = 0.94). Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap memuaskan terhadap konstruk Program Sandaran (min = 4.26, SP = 0.57). Nilai sisihan piawai yang kecil iaitu sebanyak 0.57 menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk Program Sandaran adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk Program Sandaran tersebut.

Kandungan Kursus

Bagi konstruk kandungan kursus, terdapat lima aspek yang dikemukakan kepada peserta seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Aspek itu adalah terdiri daripada kandungan umum, Fasa Asas, Fasa Pertengahan, Fasa Khas dan Fasa Berterusan.

Jadual 9: *Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Konstruk Kandungan Kursus*

Konstruk Kandungan Kursus	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kandungan umum	4.24	0.62	Sangat Tinggi
Kandungan Fasa Asas	4.34	0.56	Sangat Tinggi
Kandungan Fasa Pertengahan	4.46	0.53	Sangat Tinggi
Kandungan Fasa Khas	4.32	0.55	Sangat Tinggi
Kandungan Fasa Berterusan	4.49	0.53	Sangat Tinggi
Reaksi peserta terhadap konstruk kandungan kursus	4.30	0.44	Sangat Tinggi

Jadual 9 menunjukkan bahawa tahap reaksi peserta adalah sangat tinggi bagi kandungan kursus Fasa Asas (min = 4.34, SP = 0.56), Fasa Pertengahan (min = 4.46, SP = 0.53), Fasa Khas (min = 4.32, SP = 0.55), dan Fasa Berterusan (min = 4.49, SP = 0.53). Ini menunjukkan bahawa peserta menyatakan bahawa kandungan kursus bagi kesemua fasa adalah sangat relevan dengan tugas sebagai pengurus dan pentadbir di sekolah. Sementara bagi kandungan umum pula (min = 4.24, SP = 0.62), reaksi berada pada tahap tinggi. Ini bermaksud peserta menyatakan bahawa kandungan umum adalah relevan dengan tugas sebagai pengurus dan pentadbir di sekolah dengan memberikan skor min yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, reaksi peserta adalah pada tahap sangat tinggi terhadap konstruk kandungan kursus (min = 4.30, SP = 0.44). Ini menunjukkan peserta berpendapat bahawa kandungan kursus adalah sangat relevan dengan realiti tugas sebagai pengurus dan pentadbir di sekolah. Nilai sisihan piawai yang kecil (0.44) menunjukkan taburan reaksi peserta terhadap konstruk kandungan kursus adalah kecil. Variasi yang kecil menunjukkan perbezaan pendapat yang kecil dalam kalangan peserta terhadap konstruk kandungan kursus tersebut.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan peserta berpendapat bahawa aspek kebersihan, keselesaan dan kemudahan di bilik kuliah dan Pusat Sumber adalah sangat memuaskan. Manakala kebersihan, keselesaan dan kemudahan bagi bilik penginapan dan makmal komputer adalah pada tahap yang memuaskan. Sementara itu bagi dewan makan pula, adalah pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, peserta berpendapat bahawa aspek kemudahan fizikal adalah pada tahap memuaskan.

Peserta juga berpendapat bahawa aspek bahan pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap yang memuaskan. Dalam hal ini, bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah adalah menarik, mencukupi, bersesuaian, membantu memahami tajuk yang diajar dan membantu mencapai objektif pengajaran adalah pada tahap memuaskan. Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh peserta terhadap bahan pembelajaran yang dikemukakan kepada mereka daripada aspek menarik, mencukupi, bersesuaian dengan tajuk yang diajar, membantu mencapai objektif pengajaran dan bersesuaian dengan pengalaman mereka. Begitu juga bagi aspek bahan pengajaran yang membantu memahami tajuk yang diajar dan berkaitan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua, mereka menyatakan bahawa tahapnya adalah memuaskan. Secara keseluruhannya, peserta menyatakan bahawa aspek bahan pelajaran adalah pada tahap memuaskan.

Sementara bagi aspek penyampaian pensyarah pula, peserta berpendapat tahapnya adalah memuaskan. Aspek menerangkan sesuatu konsep dengan jelas, menyediakan nota pengajaran yang bermutu, penggunaan aras bahasa yang mudah difahami, penggunaan bahan pengajaran dengan baik, memberikan jawapan yang memuaskan kepada soalan peserta, mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang kepimpinan sekolah dan mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk melatih bakal pengurus sekolah adalah pada tahap memuaskan. Peserta berpendapat bahawa aspek Program Praktikum adalah pada tahap memuaskan. Dalam hal ini, mereka berpendapat bahawa kesesuaian tempoh masa selama tiga minggu, kecukupan bimbingan yang diberikan oleh pensyarah, pencapaian objektif, kerjasama yang diberikan oleh guru besar atau pengetua, bimbingan yang diberikan oleh guru besar atau pengetua, kerelevanan tugas sebagai guru besar atau pengetua dan keyakinan untuk menjalankan tugas sebagai guru besar atau pengetua adalah pada tahap memuaskan.

Bagi Program Sandaran peserta berpendapat bahawa aspek ini adalah pada tahap sangat memuaskan. Dalam hal ini mereka berpendapat bahawa kecukupan bimbingan oleh pensyarah, kecukupan bimbingan oleh guru besar atau pengetua serta kesesuaian bilangan projek adalah pada tahap memuaskan. Manakala kesesuaian tempoh masa selama enam bulan, pencapaian objektif, kecukupan kerjasama yang diberikan oleh guru besar atau pengetua, relevan dengan tugas sebagai guru besar atau pengetua, peningkatan keyakinan untuk menjalankan tugas sebagai guru besar atau pengetua dan peningkatan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori kepada bentuk amali

adalah pada tahap sangat memuaskan. Peserta berpendapat bahawa aspek kandungan kursus Program Latihan NPQEL adalah pada tahap sangat memuaskan. Aspek ini pula merangkumi kandungan umum, Fasa Asas, Pertengahan, Khas dan Berterusan.

Di sini kita dapat merumuskan bahawa peserta Program Latihan NPQEL berpendapat bahawa aspek Program Sandaran dan kandungan kursus berada pada tahap sangat memuaskan. Manakala bagi aspek kemudahan fizikal, bahan pelajaran, penyampaian pensyarah dan Program Praktikum adalah pada tahap memuaskan.

KESIMPULAN

Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia lebih 10 tahun mendapat reaksi yang amat positif daripada peserta yang telah mengikuti latihannya. Hal ini ditunjukkan dengan dapatan kajian yang memaparkan peserta sangat berpuas hati dengan tahap kandungan kursus dan Program Sandaran. Di samping itu peserta juga berpuas hati dengan kemudahan fizikal, bahan pelajaran, penyampaian pensyarah dan Program Praktikum. Oleh yang demikian, penerusan program latihan ini untuk bakal pengurus dan pemimpin sekolah adalah suatu perkara yang amat dituntut dan diperlukan. Dapatan kajian ini menyokong pandangan Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000), Reeves (1994), Bramley (1990) dan Mc Namara (1998) yang menyatakan bahawa latihan pengurusan dan kepimpinan yang berkesan mempunyai kesan yang positif terhadap peningkatan reaksi positif peserta.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Md. Noor. (2003). *An investigation into the headship training programme for aspiring primary school headteachers*. Disertasi Doktor Falsafah, University of Bristol.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). *Laporan kajian penilaian graduan NPQEL*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bramley, P. (1990). *Evaluating training eEffectiveness - translating theory into practice*. London: McGraw-Hill Book Company.
- Council of Chief State School Officers (CCSSO). (1996). *Interstate school leaders licensure consortium: standards for school leaders*. Washington: CCSSO.
- Guskey, T. R. (2002). *Evaluating professional development*. California: Corwin Press, Inc.
- Institut Aminuddin Baki. (2004). *Buku panduan pelaksanaan program NPQEL 2004*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Institut Aminuddin Baki. (2005a). *Panduan kelayakan program kelayakan profesional kepengetuaan kebangsaan ambilan 9/2005*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Institut Aminuddin Baki. (2005c). *Permohonan bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan program pengsiswazahan guru besar anjuran bersama IAB dan UPSI sesi 2006 - 2007*. Dalam KP.IAB.05/03/003 Jld 2(39). Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Institut Aminuddin Baki. (2008). *Panduan pelaksanaan program kelayakan profesional pemimpin pendidikan kebangsaan (NPQEL) ambilan 1/2008*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Institut Aminuddin Baki. (2009a). *Panduan praktikum program kelayakan profesional pemimpin pendidikan kebangsaan (NPQEL)*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*.
- Kirkpatrick, D. L. (1975). *Evaluating training programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.

- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating training programs - the four levels* (1st ed.). San Francisco, CA: Berret-Koehler Publishers, Inc.
- Kirkpatrick, D. L. (1996). Great ideas revisited. *Training and Development Journal* 50(1): 54-59
- Kirkpatrick, D. L. (2000). *Evaluating training programs: the four levels - the ASTD Handbook of Training Design and Delivery* New York: McGraw-Hill.
- McNamara, C. (1998). *Basic guide to program evaluation* http://www.managementhelp.org/evaluation/fnl_eval.htm [20 Februari 2008]
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Oppenheim, A. N. (1996). *Questionnaire design and attitude measurement*. London: Heinemann.
- Reeves, M. (1994). *Evaluating of training*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd
- Teacher Training Agency (TTA). (1998). *National standards for headteachers*. London: Teacher Training Agency.